



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 5/2025 (Pindaan No. 3)

MENTERI KEWANGAN melalui perenggan 34(3)(a) dan 34(4) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran dan mengenakan cukai perkhidmatan **berkuat kuasa 1 Julai 2025** bagi –

PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA

Butiran 14, 15 dan 16, Kumpulan I, Jadual Pertama
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	(a) Fi perundingan (<i>consultation fee</i>) yang dikenakan oleh doktor profesional di kemudahan jagaan kesihatan swasta berdaftar, pengamal perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan kesihatan bersekutu swasta dikecualikan daripada pengenaan cukai perkhidmatan. (b) Walau bagaimanapun, mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan mesti diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tertakluk dibawah Seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Jabatan Kastam Diraja Malaysia boleh mengambil apa-apa tindakan untuk mengutip amaun cukai perkhidmatan yang tidak diakaunkan kepada JKDM selaras dengan perundangan semasa yang berkuat kuasa.	Fi perundingan tersebut hendaklah diasingkan daripada caj rawatan perubatan lain dalam invoice yang sama. Sekiranya invoice yang dikeluarkan tidak menyatakan nilai fi perundingan secara berasingan, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas keseluruhan nilai invoice tersebut.
2.	(a) Mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang menyediakan perkhidmatan bercukai seperti perkhidmatan penginapan (Kumpulan A) dan perkhidmatan	



BIL.	PENGECEUALIAN	SYARAT-SYARAT
	makanan dan minuman (Kumpulan B) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan ke atas semua perkhidmatan lain (bercukai dan tidak bercukai) yang disediakan oleh premis tersebut. (b) Penyedia perkhidmatan kesihatan swasta yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta 586 (sama ada berdaftar atau tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018) yang menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan A dan Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah diberi pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 September 2018 sehingga 30 Jun 2025. (c) Tiada bayaran balik diberikan kepada mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang telah mengenakan dan meremitkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan Kumpulan A dan Kumpulan B tersebut dalam tempoh pengecualian dari 1 September 2018 hingga 30 Jun 2025. (d) Oleh itu, kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar di bawah perkhidmatan penginapan (Kumpulan A) dan perkhidmatan makanan dan minuman (Kumpulan B) adalah tertakluk untuk mengenakan cukai perkhidmatan ke atas semua perkhidmatan bercukai	



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
	dan tidak bercukai yang disediakan berkuat kuasa 1 Julai 2025.	
3.	(a) Penyedia perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan diberikan pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pemeriksaan kesihatan kepada pekerja bukan warganegara yang diinvoiskan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada penyedia perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan tersebut. (b) Mana-mana cukai perkhidmatan yang telah dikutip daripada pelanggan mesti diremit kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tertakluk di bawah Seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Jabatan Kastam Diraja Malaysia boleh mengambil apa-apa tindakan untuk mengutip amaun cukai perkhidmatan yang tidak diakaunkan kepada JKDM selaras dengan perundangan semasa yang berkuat kuasa.	
4.	Pengecualian cukai perkhidmatan diberi kepada semua diplomat asing dan tanggungannya melalui pengesahan Kementerian Luar Negeri.	(i) Pelaksanaan pengecualian adalah tertakluk kepada surat pengesahan Kementerian Luar Negeri kepada diplomat asing. (ii) Salinan surat pengesahan tersebut hendaklah dikemukakan oleh diplomat asing kepada hospital/ klinik swasta untuk tujuan rekod.



Makluman:

Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 5, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 5 (Pindaan No. 1) dan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 5 (Pindaan No. 2) adalah dibatalkan dan digantikan dengan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 5 (Pindaan No. 3).

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA